Tuan Chew Biow Chuon (Bruas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga turut mengambil kesempatan ini berchakap di-dalam hal pencherobohan² pukut tunda sa-chara haram di-kawasan yang di-larangkan kapada mereka itu. Kalau tidak silap, perkara ini pernah saya kemukakan di-dalam Dewan ini di-dalam bulan Ogos tahun yang lalu, seraya meminta agar Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama bertindak lebeh berkesan lagi untuk menghapuskan pencheroboh² itu dan saya perchaya semenjak dari tarikh itu sa-hingga ka-hari kebelakangan ini beberapa tindakan telah dan sedang di-laksanak-an. Walau pun bagitu apa yang mendukachitakan dan juga yang menjadi sumber uchanpan saya hari ini bahawa sa-hingga ka-hari ini pencheroboh² dari pukut tunda sa-chara haram itu tidak-lah berkurangan. Ini

dapat saya buktikan dari aduan² yang tidak putus² saya terima dari kawasan saya ia-itu Pantai Remis. Mereka mengadukan pukut² tunda sentiasa memasoki dan mencherobohi di-kawasan² mereka menangkap ikan sehingga menarek pompang udang di-sepanjang kawasan perayeran Pantai Remis.

Satu hal yang aneh perbuatan mereka itu merupakan sa-bagai tidak ada larangan atau kuasa untuk menangkap mereka itu. Kita sunggoh bimbang dengan pencherobohan² yang menjadi² itu ia-itu sa-makin di-chegeh sa-makin menjadi². Keadaan ini saya yakin mungkin ada sa-suatu sebab yang kurang di-selideki oleh pehak yang berwajib sekarang ini, jika tidak masakan keadaan saperti yang saya katakan tadi itu boleh berlaku. Oleh kerana perkara ini sudah menjadi, bukan perkara baharu lagi bahkan telah sering di-bahathkan di-dalam dan di-luar Dewan ini, maka saya rasa telah sampai-lah masa-nya bagi Kerajaan mengambil sa-penoh² dan sa-berat² perhatian melaksanakan chara² yang paling tegas bagi menchegeh diatas pencherobohan haram pukut tunda itu. Sa-bagai satu langkah yang saya fikir baik, saya menchadangkan supaya segala alat² pukut tunda termasuk sampian dan boat²-nya dirampas oleh Kerajaan sa-telah mereka itu di-tangkap.

Tuan Yang di-Pertua, masa yang akhir² ini saya pernah di-tudoh oleh nelayan² kechil di-dalam kawasan saya mengatakan bahawa saya tidak mengambil berat di-dalam hal ini dan tidak menjalankan apa² ikhtiar untuk menchegeh perusahaan² pukut tunda itu dan saya perchaya Ahli² Yang Berhormat yang lain mana yang berkenaan ada juga menerima sedikit sa-banyak anggapan yang sa-rupa ini.

Yang menarek perhatian saya bahawa baharu² ini mereka telah menemui saya dengan beramai² dan menegaskan dengan reaksi yang agak keras—"kami juga ada kesanggupan mengadakan pukut² tunda saperti itu, tetapi kami telah memikirkan pekerjaan itu akan merosakkan mata pencharian nelayan² kechil yang lain

sebab itu-lah kami tidak berbuat demikian dengan tujuan memelihara kepentingan semua kaum nelayan yang sa-nasib dengan kita. Tetapi alang-kah malang-nya kita kurang diperhitungkan oleh pehak yang berwajib akan nasib kami pada masa sekarang ini dan masa yang akan datang."

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya hari ini dan di-samping itu saya menyokong Rang Undang² Pindaan yang telah di-kemukakan oleh Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam Dewan ini malam samalam. Terima kaseh.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Speaker, Sir, I must compliment *Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama* for this legislation to regulate or prohibit any method of fishing, and also the possession in a fishing vessel of traps or fishing nets, or the use of traps of fishing nets in maritime and estuarine waters. He is making good headway in this field and I sincerely hope that he will keep on forging ahead. With these provisions, I hope that positive actions could be taken to curb the activities of illegal trawlers and the efficient control of licensed trawlers in respect of compliance of the regulations and conditions under which the licences were issued and give this scheme to encourage deep-sea trawling a further trial as a forerunner to achieve genuine deep-sea trawling as practised in other countries, in particular, Taiwan and Japan. There are numerous reports at various police stations on illegal trawlings and violations of conditions for trawling by licensees stretching from Pangkor Island to Pulau Langkawi, due to inadequate supervision of the licensed trawlers and lack of active measures to eliminate the illegal trawlers. All these endangered the livelihood of the inshore fishermen and had given rise to fear of sufferance and tempers.

I must, at this juncture, also express an appreciation for the Chief Police Officer, Enche' Salleh bin Abdul Rahman, and the past and present O.C.P.D.s. of Balik Pulau for their

active participation against illegal trawling, resulting in 46 illegal trawlers being arrested, charged and fined in court. Many of these illegal trawlers found that the large profits were worth the risk and this resulted in some appearing in court several times. This proves that the remuneration is worth breaking the law, due to the loopholes in the existing Fisheries Act.

I understand that illegal trawling is still going on outside the demarcated area and there are 39 illegal trawlers in Pantai Remis area and 10 in Penang. The authorities had expressed, on many occasions, that their main difficulty was the inadequacy of the law, which should be severe enough to discourage and eliminate illegal trawling. Therefore, Sir, accepting the advice of the experienced officers, I urge the Yang Berhormat Menteri to amend the law further to impose a severe punishment against illegal trawling and violations of the conditions set out in their licences, and I have a proposal to make in that the word "may" be substituted, by the word "shall" in Section 16 (1) of the Fisheries Act, 1963.

This section reads:

"Confiscation of vessels, etc.

A magistrate *may* order the confiscation of any vessels, vehicles, stakes, nets, instruments or appliances used in the commission of any offence."

and should be amended to read:

"A magistrate shall order the confiscation of any vessels, vehicles, stakes, nets, instruments or appliances used in the commission of any offence."

Mr Speaker, Sir, much had been said about the new and the old ways of fishing and the problem cannot be solved by suppressing the new with offers of rich rewards. I would like to draw the House's attention to the fact that the same problem on this subject in perspective, even though it may be at a lesser scale, is being faced in England and some other countries. In this respect, I would like to urge Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama for a fishery conservation survey in and around the Malaysian waters. It is in our national interest to have knowledge of the type

of fishes, the breeding places, and the habits and the rate of growth in and around our waters to ensure and maintain our food sufficiency, or even for export. Thank you.

Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Rang Undang² pindaan Undang² Perikanan ini. Dan di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak mendatangkan beberapa pandangan berkenaan dengan pindaan Undang² ini, terutama sa-kali bagi keadaan² di-pantai di-dalam negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya beberapa kali berchakap dalam Dewan ini, berhubung dengan kesukaran² nelayan² di-dalam negeri Perlis, kerana negeri Perlis adalah satu pantai yang hanya sa-jauh 12 batu sahaja muka-nya dan pantai² itu, bagi masa² yang telah lalu, telah digunakan menjadi sa-bagai tempat menangkap ikan dengan sa-chara menggunakan belat² pok, bagaimana kata orang Perlis. Jadi, dengan perkembangan kemajuan chara² moden bagi menangkap ikan pada hari ini, maka belat² pok itu boleh di-kata tidak siapa lagi yang suka menanamkan modal bagi perusahaan yang tersebut, kerana perbelanjaan bagi sa-sabuah belat² pok itu akan memakan belanja sa-banyak dua puluh ribu hingga dua puluh lima ribu pada satu² belat pok. Dan itu pun hanya belat pok tadi menunggu ikan datang sahaja. Jadi, dengan chara yang demikian, pada masa ini banyak-lah orang² yang menjalankan perusahaan belat pok itu, tidak lagi menjalankan perusahaan-nya. Jadi, oleh kerana itu, di-dalam negeri Perlis pada hari ini banyak daripada orang² yang menjalankan perusahaan belat pok itu, oleh kerana negeri Perlis tidak hendak menimbangkan berkenaan dengan mengeluarkan lesen² kepada pukat² tunda. Jadi, dengan hal yang demikian, banyak-lah daripada taukeh² yang dahulu-nya menanam modal berkenaan belat pok itu, pada hari ini mereka itu telah berpindah menanamkan modal² mereka itu dalam per-ayaran negeri Siam.

Jadi, dengan ada-nya pindaan Rang Undang² ini ada-lah menjadi satu kesukaran lagi bagi mereka² yang ada menanam modal di-negeri Thai apabila membawa masuk ikan² itu ka-dalam negeri Perlis atau melalui perayeran negeri Perlis, maka sudah tentu yang mereka itu akan di-chap bahawa yang mereka membawa masuk ikan² dan alat² pada pukut² harimau atau pukut tunda. Jadi, dengan hal yang demikian, maka orang² yang telah menanamkan modal menjalankan perusahaan di-dalam perayeran dalam negeri Thai itu ta' dapat lagi membawa masuk ikan mereka melalui pelabohan Kuala Perlis. Jadi dengan hal yang demikian tentu-lah akan menjadi kerugian yang besar kepada taukeh² yang menanamkan modal di-dalam perayeran negeri Thailand itu. Kerana apa, kerana mereka terpaksa membawa ikan mereka pergi ka-negeri Stol, daripada Stol melalui Hadnyai, kemudian, daripada Hadnyai pula mengeksport ikan² itu masuk ka-Malaysia melalui Changlon. Jadi, dengan hal yang demikian, mereka juga telah merayu kepada saya, supaya bagi pehak Kementerian, menimbangkan hal ini, supaya memberikan satu kebenaran khas kepada mereka, supaya mereka yang menjalankan perusahaan penangkapan ikan di-dalam perayeran Thailand itu, supaya dapat mereka itu menggunakan pelabohan Kuala Perlis itu.

Dan yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, saya suka juga menguchap ribuan terima kasih kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, kerana di-dalam negeri Perlis pada hari ini ada dua buah sharikat nelayan, atau sharikat kerjasama yang telah menjalankan usaha² bagi chara penangkapan ikan sa-chara modern. Dan dengan kasehan belas daripada sharikat nelayan Kuala Kedah dan bagitu juga saya menguchapkan ribuan terima kasih, ia-itu bagi pehak Sharikat Kerjasama Nelayan dari Kuala Sanglang, meminta menyampaikan ucapan terima kasih yang banyak kepada Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri kerana telah membenarkan Sharikat Kerjasama Nelayan Kuala Sanglang berpengkalan di-Kuala

Kedah, dengan chara menggunakan pukut harimau. Jadi dengan ini berma'ana-lah bahawa Sharikat Nelayan Kuala Sanglang dapat-lah sama memainkan peranan atau berusaha lebeh giat lagi bagi meninggikan taraf hidup nelayan² yang ada di-sepanjang pantai Kuala Sanglang itu.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi meminta kepada Kementerian yang berkenaan supaya memikirkan bagaimana chara²-nya dapat nelayan² daripada Perlis yang pada masa sekarang ini telah banyak menanamkan modal di-negeri Thailand dengan chara menggunakan pukut harimau supaya mereka itu dapat menggunakan pelabohan Kuala Perlis membawa masuk ikan² itu supaya dapat ikan² itu di-jualkan di-dalam negeri Malaysia ini. Sa-kian-lah, dengan ucapan terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Saa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit untuk berbath dalam Rang Pindaan Undang² Perikanan. Masaalah ini sudah lama semenjak tahun 1962 berbangkit beberapa kali dan beberapa tindakan dan langkah sudah pun diambil tetapi tidak bagitu berkesan. Saya mengalu²kan Pindaan Undang² ini dan dengan terlaksana-nya pindaan Undang² ini saya berharap kedudukan nelayan di-tepi pantai dan nelayan yang menjalankan urusan menangkap ikan di-kawasan laut yang dalam akan tidak lagi mendatangkan permusuhan di-antara satu sama lain.

Saya ingin menarek perhatian kepada orang² yang hendak menjalankan kuasa undang² ini ia-itu (f) mengatakan:

“(f) Regulate or prohibit any method of fishing or the possession in a vessel of traps or fishing nets or the use of traps or fishing nets in riverine waters”.

Ada satu perkara yang di-buat oleh orang² yang menjalankan urusan menangkap ikan sa-chara haram ini; boat² yang hendak menangkap ikan itu keluar dengan tidak ada pukut.

Manakala mereka sampai di-tempat menangkap ikan, jikalau Pegawai²

Perikanan atau pun pegawai² polis siasat tidak ada pukat. Mereka khas-kan satu boat asing, boat itu akan muat pukat ini dan manakala sampai ka-tempat yang hendak menangkap ikan, manakala di-dapati pehak Pegawai² Perikanan tidak ada atau pehak Pegawai Polis tidak ada, mereka berikan pukat² ini kepada boat². Sudah mereka tangkap pukat itu di-beri balek kepada boat² yang khas ini bawa masuk ka-tempat-nya. Jadi dengan chara yang sa-macam ini payah atau menjadi satu kerumitan bagi pegawai² untuk hendak menjalankan tugas menangkap kerana mereka chari juga jalan untuk membuat kerja yang haram dengan apa juga helah yang mereka boleh buat.

Jadi saya berharap-lah pegawai² yang akan di-tugaskan untuk menjalankan urusan mengawal ini berjalan tugas yang sa-penoh-nya untuk mengelakkan daripada kejadian yang tidak di-sukai beberapa kali telah berlaku di-Pulau Pinang dan juga di-Pantai Remis, dan saya berharap-lah pehak berkuasa ini mengambil berat sungguh² di-atas perkara ini, kerana jikalau tidak di-awasi betul² perkara yang saperti ini akan menjadi besar dan pergaduhan akan berlaku di-antara kedua² pehak. Oleh itu saya merayulah kepada pehak yang berkuasa di-atas, mengawal pegawai² yang di-bawah supaya menjalankan tugas yang sa-penoh-nya.

Yang kedua, pada masa dahulu-nya manakala kita bertemu dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri, Ketua Menteri selalu mengatakan saya tidak ada undang² hendak menyekat atau pun hendak menahan atau pun hendak menchegeh. Jadi dengan terlaksananya undang² ini, maka Kerajaan Negeri sendiri boleh mengadakan peratoran² untuk menyekat dan menchegeh. Ini satu pindaan yang baik dan saya mengalu²kan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk membuat beberapa peratoran bagi mengambil langkah dengan chara ber-sendirian atau dengan bekerjasama dengan Kementerian Perikanan supaya dapat di-baiki kedudukan-nya. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pendapat di-atas Rang Undang² ini. Saya suka mengambil kesempatan ini bagi menyampaikan tahniah istimewa kepada rakan saya, Ahli daripada Bruas, yang telah beruchap sa-bentar tadi dalam bahasa kebangsaan yang faseh, pada awal tahun 1967 ini ia-itu tahun bahasa kebangsaan. Saya berharap bahawa contoh yang di-tunjukkan begitu gemilang oleh Ahli daripada Bruas, sa-orang ra'ayat yang bukan Melayu, akan menjadi contoh dan panduan dan menjadi ikutan kepada seluruh warga negara kita yang bukan Melayu dalam tahun bahasa kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Pindaan Perikanan ini dan saya rasa dengan ini terbukti-lah bahawa pehak Kerajaan dan Kerajaan kita, Kerajaan Perikanan, sa-benar²-nya membela kepentingan ra'ayat dan kepentingan ra'ayat gulungan bawah, terutama sa-kali kaum nelayan.

Dengan pindaan ini, maka sekarang pehak Kerajaan berhak-lah mengharamkan pukat tunda pada tempat² yang patut di-haramkan. Saya, dalam pengalaman saya sendiri dalam perkara kaum nelayan ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada penyakit pukat tunda, ada lagi satu penyakit yang di-hadapi oleh kaum nelayan ini, terutama di-Pantai Timor. Sa-tengah² gulungan yang menangkap ikan ada menjalankan satu chara ia-itu mengadakan letupan dalam laut. Dan ini menjadikan satu sekatan kepada nelayan kechil ini untuk menangkap ikan kerana ikan pada masa itu telah lari.

Pada tahun lepas beberapa banyak complain telah di-sampaikan kepada pehak yang berkuasa oleh kaum nelayan di-dalam kawasan saya dan di-luar kawasan saya di-Pantai Timor tentang letupan² dan terpedo² dalam laut ini. Tetapi sayang-nya terlalu lambat pehak yang berkuasa atau pehak polis datang mengejar pehak yang melepaskan letupan ini. Maka saya merasa, Tuan Yang di-Pertua, langkah yang baik dengan mengadakan

pindaan pada Rang Undang² Perikanan ini hendak-lah di-sertakan dengan satu perkara yang mustahak dalam pelaksanaan-nya besok ia-itu chara bagaimana supaya pelaksanaan undang² ini berkesan katakan-lah di-haramkan letupan, atau di-haramkan pukut tunda pada tempat² dan kawasan²-nya, bagaimana-kah hendak di-laksanakan pengharaman ini dengan berkesan pada tempat itu. Kerana kalau hanya di-haramkan sahaja di atas kertas, kawalan-nya tidak cukup, alat-nya tidak cukup untuk mencegah pengharaman itu. maka tidak menjadi guna juga pengharaman itu. Maka saya suka-lah mengshorkan ia-itu supaya pihak polis mengambil peranan yang penting dan pihak Kementerian ini mengadakan perhubungan yang rapat dengan pihak polis bagi mencegah perkara ini. Dan saya suka mengshorkan ia-itu untuk melaksanakan dengan berkesan perkara ini, patut di-tubuhkan suatu chawangan polis baharu namakan-lah umpamanya Polis Perikanan, Fisheries Police, macham kita telah tubuhkan Polis Traffic, Lalu Lintas, untuk khas menjaga lalu lintas.

Kerana dengan demikian, maka baharu-lah dapat di-tumpukan oleh sa-bahagian yang khas daripada Pasokan Polis ini bagi melaksanakan kehendak Undang² ini bagi mengawal kepentingan kaum nelayan yang terkena, dengan pelaksanaan Undang² ini terutama sa-kali yang menderita dari akibat pukut tunda dan letupan² di-dalam laut ini. Dan saya percaya dengan demikian sahaja-lah, maka baharu dapat di-hasikan maksud-nya yang tersirat di-belakang Rang Undang² ini.

Saya berharap bahawa dalam perkara ini, di-Pantai Timor, di-beri perhatian yang istimewa kepada nelayan di-sana kerana semenjak dua tahun ini Pantai Timor telah menerima kesengsaraan yang berat. Saya rasa bukan sahaja letupan² tadi sahaja patut di-chegah, tetapi juga di-Pantai Timor pada masa yang akhir² ini telah di-serang oleh pukut² tunda yang datang dari Pantai Barat. Jadi, bila kawalan² ini di-jalankan dan Rang Undang² ini di-laksanakan, maka beri-

lah perhatian yang agak berat sedikit kepada Pantai Timor kerana memang di-sapanjang² Pantai Timor keadaan orang hanya hidup dengan menangkap ikan. Dan dengan penderitaan banjir dan sa-bagai-nya penderitaan mereka bertambah, maka jika perhatian yang lebih berat di-beri kepada mereka pada masa menjalankan Rang Undang² ini, maka akan dapat-lah nelayan Pantai Timor peluang untuk mendapat rezki yang lebih baik pada masa yang akan datang. Terima kaseh.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini pada dasar-nya, dan saya harap samalah juga dengan Ahli² Yang Berhormat yang lain yang telah berchakap tadi. Tatkala Rang Undang² ini telah di-luluskan dan akan berjalan kuat-kuasanya, maka hendak-lah pelaksanaan-nya itu benar² dapat memberi satu nafas baharu kepada nelayan² kecil yang sudah kena benchana atau pun penyakit pukut tunda ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya penyakit pukut tunda ini ada-lah satu penyakit yang sudah terkena pada seluruh nelayan² di-seluruh Malaysia Barat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya menyatakan di-dalam Rumah yang mulia ini, nelayan² kecil di-kawasan saya telah menyampaikan rasa dukachita-nya bukan pada waktu pukut tunda itu datang ka-kawasan pantai-nya, tetapi kata-nya apakala pukut tunda itu sudah tidak ada pun, suatu perkara yang aneh kata-nya ia-lah ikan yang kalau dahulu ada banyak di-kawasan perayeran itu, tetapi sekarang ini entah barangkali kerana di-tunda terok sangat, sudah kurang benar. Dan ini ada-lah satu perkara yang saya harap, kalau pihak Menteri Perikanan dan Sharikat Kerjasama belum membuat suatu penyiasatan lagi, hendaklah di-buat suatu penyiasatan yang halus di-mana kawasan² yang sudah terkena penyakit pukut tunda ini supaya dapat-lah di-fikirkan suatu chara atau pun suatu jalan bagi memulehkan sedikit sa-banyak kepada nelayan² kecil yang sudah terok benar terkena benchana pukut tunda ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya sa-kira-nya Undang² ini dapat berjalan dengan baik-nya dan dapat mengawal serta mengatasi masalah nelayan² kecil itu, maka terima kasih yang tidak terhingga akan disampaikan oleh pehak nelayan² diseluruh pantai yang telah terkena penyakit ini. Bagaimana yang saya katakan tadi, sa-panjang di-kawasan saya—dari Besut sampai ka-Bari Besar telah terkena penyakit yang terok ini. Walau pun sekarang ini kita chuba mengalehkan chara hidup mereka itu mithal-nya, berpindah kawasan Rancangan Pembangunan Luar Bandar mithal-nya, tetapi penyakit kaum nelayan ini pun susah juga, Tuan Yang di-Pertua, hendak mengubah dengan serta-merta walau pun mereka itu telah kena terok dengan penyakit pukut tunda ini. Sekian-lah.

Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Rang Undang² ini, saya bersama-lah dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara menguchapkan tahniah kepada Ahli daripada Bruas yang berchakap dengan bahasa kebangsaan yang boleh di-katakan baik. Sa-benar-nya bukan sahaja sikap yang di-ambil oleh Ahli dari Bruas itu patut menjadi contoh kepada warga negara Malaysia yang bukan dari kalangan orang Melayu, tetapi juga menjadi contoh kepada Ahli² Parlimen—Ahli Dewan Ra'ayat ini sendiri terutama sa-kali daripada Ahli² Parti Perikatan yang bukan daripada Melayu supaya menjadi satu tunjok ajar yang baik, mulai daripada hari ini atau awal tahun ini patut-lah di-gunakan dari sekarang bahasa kebangsaan itu sa-bagai bahasa yang hidup bukan sahaja dalam perjumpaan atau perchakapan sa-harian², tetapi di-dalam perbahathan atau perchakapan di-dalam Dewan Ra'ayat yang bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rang Undang² ini, saya percaya Rang Undang² ini atau pindaan kepada Rang Undang² ini ada-lah satu perkara yang sangat baik, dan boleh di-katakan bukan sahaja telah sampai masa-nya bahkan telah terlewat dari-

pada masa-nya. Walau bagaimana pun saya mengambil peluang yang sama menguchapkan tahniah kepada pehak Kementerian yang berkenaan yang telah mengemukakan Rang Undang² ini.

Sa-lain daripada perkara² berkenaan dengan pelaksanaan kepada Rang Undang² ini hendak-lah di-lakukan dengan serta-merta, atau di-lakukan dengan sa-baik²-nya seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara dan Ahli Yang Berhormat dari Besut, maka saya rasa pelaksanaan kepada pindaan Rang Undang² ini atau kepada Rang Undang² ini seluruh-nya ada-lah bergantung lebeh banyak kepada tenaga polis. Walau pun sa-kira-nya pehak polis keberatan untuk menubuhkan satu chawangan khas—kata-lah Polis Perikanan seperti di-chadangkan oleh Ahli daripada Kuala Trengganu Utara tadi, chukup-lah dengan memberikan tenaga baharu dan kekuatan² kepada Polis Laut yang ada pada masa sekarang ini dengan menambah kelengkapan seperti motor²-nya yang laju, kaki-tangan-nya yang chukup atau sa-bagai-nya. Sebab, sa-panjang pengalaman yang berlaku pada masa² yang telah lalu kalau ada sa-kali pun laporan yang di-kemukakan kepada pehak Polis, sa-belum tindakan apa² yang boleh di-ambil oleh pehak Polis, orang yang menceroboh atau yang melakukan kesalahan itu telah lenyap, telah hilang lesap entah ka-mana. Kalau sa-kira-nya kaki-tangan Polis Laut ini chukup, dengan tidak payah datang laporan atau report, kawalan sentiasa, rondaan di-laut oleh pehak Polis Laut ini telah chukup menjadi satu amaran yang keras kepada pencheroboh² yang terdiri daripada pukut² tunda itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak sentoh di-sini ia-lah soal kecil, tetapi besar bagi penghidupan ra'ayat, ia-itu ia-lah soal ada sa-bahagian daripada ra'ayat yang hidup di-pantai, terutama sa-kali negeri Kelantan yang saya tahu yang hidup-nya sejak zaman berzaman menchari undang di-tepi pantai. Undang² halus di-tepi pantai itu, chara menchari-nya persis seperti-lah chara pukut tunda tetapi pukut-nya lebeh kurang dua

depa sahaja lebar-nya. Tempat dia bergerak-nya lebih kurang dalam dua tiga puluh ela daripada di-tepi laut—menyusor di-tepi pantai—mula dia bergerak mithal-nya daripada pukul empat pagi, hingga pukul enam pagi selesai kerja-nya dalam dua jam. Chara-nya seperti pukut tunda-lah nampak gaya. Kehidupan seperti ini berjalan berpuluh² tahun yang lalu, tetapi pada masa² yang akhir ini mereka telah di-tangkap oleh pihak Kerajaan—pehak polis-lah, kerana disifatkan melakukan satu kerja yang salah di-bawah Peratoran Pukat Tunda ini-lah.

Perkara ini, pada fahaman saya, tidak selesai sampai sekarang ini, maka mustahak-lah di-dalam pindaan seperti ini, atau apakala kuasa di-beri kepada Seri Paduka Baginda membuat peratoran² bagi pelaksanaan Undang² ini, hendak-lah di-adakan pentafsiran, di-adakan definisi, atau ta'arif yang tegas, sebab kalimah sa-barang chara—any method—ini terlalu umum yang boleh di-libatkan kepada sa-barang kaedah, sa-barang chara, hatta sa-buah perahu yang kecil yang memakai injin kekuatan yang empat kuda, ia-itu injin yang di-panggil motor galah yang di-beli daripada Bangkok dengan kekuatan empat kuda, dengan pukut yang lebar dua depa, boleh di-masokkan di-bawah kesalahan di-dalam pindaan undang² ini. Sebab itu, satu pentafsiran yang tegas dan chermat mustahak dilakukan oleh pihak Kementerian ini supaya ra'ayat² yang hidup dengan chara yang tersebut tadi dapat melakukan kehidupan mereka seperti biasa dengan tidak payah mereka di-ganggu lagi.

Pada fahaman saya, kehidupan chara menchari undang di-tepi pantai dengan chara kaedah yang sa-umpama pukut tunda kecil, dengan chara kunu, chara lama, yang mereka jalankan dengan pukut yang lebar-nya dua depa itu akan merosakkan kehidupan nelayan² di-tepi pantai, dan pada fahaman saya, itu pun satu juzok daripada kehidupan nelayan di-tepi pantai. Perkara ini perlu di-ambil perhatian berat oleh pihak Yang Berhormat Menteri dan apakala hendak di-susun satu regulation, untuk menguat-kuasa-

kan perjalanan Undang² ini, pentafsiran yang khas dan tegas juga chermat, mustahak-lah di-lakukan.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan Rang Undang² Pindaan Perikanan, kita telah bersama² mendengar ucapan daripada wakil² yang kebanyakan-nya daripada sa-belah utara membela negeri masing², nelayan masing². Sekarang saya berkata bagi pihak nelayan di-sabelah selatan, ia-itu Negeri Sembilan dan Melaka, terutama sa-kali negeri saya di-Melaka.

Dalam Rang Undang² ini hanya kita berkeliaran berhubung dengan pukut tunda, pukut harimau, pukut terek, pukut cherut, kerana pukut ini pukut haram. Nelayan bekerja sa-chara haram. Dalam negeri yang modern, rasa saya tentu-lah kita bergerak, terutama sa kali nelayan²: “Pat² siku lipat, siapa chepat, dia dapat”. Tetapi kebijaksanaan Menteri kita, itu juga dia beri undang² bagi menjaga pertelingkahan, pergaduhan di-antara sesama nelayan.

Yang saya maksudkan, di-negeri saya di-Melaka, nelayan² selalu sangat kena rompak, kena samun. Jadi, kadang² umpama-nya nelayan daripada Kuala Linggi, daripada Kuala Sungai Baharu, sampai tiga empat bulan ta' balek. Jadi, ini tidak ada undang² bagi hendak membela nelayan² yang telah kena rampas harta benda dia, dia balek sa-helai sa-pinggang, pada hal dia orang miskin. Kalau pekerja² di-daratan umpama-nya buroh², majikan-nya boleh meminta supaya di-daftarkan di-Pejabat Buroh dan di-masokkan insurance. Saya berharap bagi pihak Menteri yang berkenaan dapat memikirkan hal ini supaya nelayan² yang menimpa kemalangan seperti yang saya sebutkan tadi mendapat pembelaan.

Saya berasa bimbang kira-nya tidak ada undang². Rancangan Kerajaan Negeri Melaka baharu² ini telah pun di-ishtiharkan—\$100,000 Kerajaan Negeri mengeluarkan wang bagi hendak membantu nelayan² di-pantai barat Melaka, hendak membeli motor dan

perkakas² menangkap ikan untuk menangkap ikan ka-laut lepas. Kalau tidak ada undang², saya bimbang motor² besar ini akan menjadi mangsa kapada perompak² dan lanun² di-laut Melaka ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu-lah kapada Menteri yang berkenaan bagi memikirkan sa-lain daripada membuat, meminda undang² berhubung dengan penangkap² ikan yang menggunakan sa-chara haram ini juga dapat di-semak bagaimana pula hendak menolong kapada nelayan² yang kena rompak, kena samun, kadang² nyawa dia sendiri pun melayang.

Tuan Ong Kee Hui: Mr Speaker, Sir, I have listened with a good deal of interest to observations made by various Honourable Members on the Bill, which is before this House. It seems to me, Sir, that there is basically a conflict of interest between inshore fishermen and people, who are operating further afield using more modern methods. Therefore, it seems necessary that there should be some means of reconciling this conflict of interest and I think, Sir, that this Bill would probably be the answer. It should be possible by regulations to demarcate areas where each of these two methods of fishing, the more advanced modern methods of fishing and the traditional methods, should be complementary and not conflicting.

Sir, the seas around Malaysia represent natural resources which have hitherto been to say the least untapped. As an example of what can happen, I would like to cite the case of prawn fishing in Sabah, where over a few years a very thriving industry has developed. Had we not been prepared to accept more modern methods, this industry would never have been brought about. Similarly, if we had not been able to adopt more modern methods it would mean that our people here would be denied the vital resources which are available to us.

In this Bill, Sir, I think the operative words are "maritime and estuarine waters", and I think in that respect it would be interesting to seek clarification from the Ministry as to what it considers maritime waters, because if

we restrict our own people in adopting more modern methods of fishery, we are unable to prevent other nations much more advanced than us with better equipment fishing off our territorial waters. I think our approach in this respect should be realistic. If we restrict our own people from adopting more modern methods of fishing, we are unable to preclude other people coming off our territorial waters exploiting the natural resources which should likely be exploited by ourselves.

With these brief observations, Sir, I am of the opinion that these powers to impose regulations or to prohibit methods of fishing may be necessary, but they should be exercised with due care and circumspection.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang juga berchakap dalam Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini. Satu perkara sahaja yang saya minta penerangan yang jelas daripada Menteri yang berkenaan ia-itu berkenaan dengan hal penangkapan² ikan di-dalam sungai² oleh orang² kampung. Jikalau kita pandang sa-kali lintas Undang² ini meliputi segala semua. Di-kampung², Tuan Yang di-Pertua, banyak orang² kampung keperluan hidup-nya mengadakan chara² menangkap ikan chara kechil² seperti jala, jaring kechil dan tuwa², ada-kah ini termasuk dalam Rang Undang² ini, ini saya minta penerangan daripada Menteri kita. Dan saya berharap jikalau dapat di-kechualikan kerana ini akan mengakibatkan kesusahan yang besar kapada orang² kampung yang dudok di-tepi² sungai dan juga orang² asli yang dudok ditasek². Mungkin jikalau tidak ada penerangan yang jelas perkara ini maka mereka² ini akan terlibat dalam Rang Undang² ini dan ini saya rasa akan menyusahkan kita dan juga orang² yang miskin itu.

Yang kedua, di-sungai² juga, Tuan Yang di-Pertua, pada masa lampau ini banyak juga orang² yang tidak bertanggung-jawab menangkap ikan menggunakan tuba. Ini saya rasa satu perkara yang patut tindakan tegas diambil oleh Kementerian ini supaya di-

beri kuasa yang penoh kapada satu badan atau polis menchegeh perkara² yang sa-macham ini.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification, I notice that there are a lot of speakers speaking with a real interest on this Bill, but I do not see anyone on the Government Benches who is to reply to all these speeches, Sir?

(Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub enters the Chamber and proceeds to his seat).

Tuan Mohamed Yusof bin Mahmud: Menyambong lagi, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah berkenaan dengan chara yang tidak bertanggung-jawab ia-itu menggunakan tuba untuk memusnahkan atau menangkap ikan di-sungai² ini.

Bagitu juga ada satu lagi chara ia-itu menggunakan hand grenade, atau pun dynamite yang berluasa² di-gunakan oleh orang² yang tidak bertanggung jawab. Akibat daripada dua chara ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak ikan² yang telah musnah atau rugi dan saperti anak² ikan di-sungai² yang telah di-tuba itu boleh di-katakan 6 atau 7 bulan baharu dapat ikan² itu balek ka-sungai² itu. Ini bukan kerana menguntongkan kapada orang² yang menchari ikan tetapi merugikan seluroh mereka itu. Jadi, saya rasa ini juga satu perkara yang patut di-chegeh. Jadi saya rasa pada masa yang lampau telah juga saya berchakap dalam perkara ini, tetapi nampak-nya belum lagi ada riak² penchegehan² yang dapat di-lakukan.

Dengan itu-lah sa-kali lagi saya minta pandangan daripada Menteri yang bertanggung jawab berkenaan dengan hal kehendak saya ia-itu minta di-taksirkan ada-kah lukah², jala², jaring² kechil yang di-gunakan oleh orang² kampong di-tepi² sungai itu terta'alok di-bawah Undang² ini. Kalau sudah dapat di-pastikan jadi kita tidak lagi berchanggih atau berlawanan dengan undang² ini bila di-laksanakan. Dengan itu-lah saya minta penjelasan daripada Menteri Yang Berhormat.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Mr Speaker, Sir, if this Act is the conse-

quence of the Government's negotiations and decision on how to solve the problem and resolve the conflict of interests, as referred to by my Honourable friend from Sarawak, between the inshore fishermen and the trawler fishermen, following upon the demarcation of the area whereby the trawler fishermen can only operate, then, this Bill is a simple Bill, giving powers for Government, and for the law to be enforced and for the agreements to be enforced. As such, Sir, the Bill is a straightforward and simple Bill. However, Sir, I, for one, do not believe that the enforcement of the law would be as simple, or as straightforward, as this very simple Bill purports it to be. As a matter of fact, my Honourable friend for Penang Utara has already brought out some relevant points to show that the Bill, even as it stands, will not completely make it a simple matter of enforcement. For example, Sir, as the amendments read, it is rather difficult, I think, for regulation and prohibition of the possession in a vessel of traps or fishing nets. Sir, it may be that there are vessels operating legally and honestly within the limits, or outside the limits, demarcated and agreed upon by the fishermen, both the trawler fishermen and the inshore fishermen, but on their return into harbour, crossing into estuarine waters, these traps or these fishing nets may be in the possession of the vessel. So, it has been indicated, Sir, by speakers both for Penang Utara and Penang Selatan, that the question really is how to control illegal operation within the areas that have been demarcated.

Sir, the Bill as it stands, because it gives the power to the law enforcement of the agreements that had been made, I think, requires our support. However, Sir, I think it would be very wrong for us to make it appear to the inshore fishermen that this is the protection of their livelihood and this is the answer to all their prayers, because, Sir, I feel that the resolution of this problem requires far more efforts from the Government to investigate into all the various aspects of the problem, not only the problems of the types of fishing and progress of fishing,

their conflicts and so on but I think up to now the Government's policy towards inshore fishing and trawler fishing has been one of vacillation. At times Government seems to support the inshore fishermen and at other times the Government seems to support the trawler fishermen, and so there are periods when the inshore fishermen are happy and there are periods when the trawler fishermen are happy, but in actual fact there are times when both sides are so completely unhappy that they do not know what to do and they resort to fighting among themselves. To that extent, this law may help to resolve the fight between the inshore fishermen and the trawler fishermen, because if anybody is to be blamed it is not the inshore fishermen or the trawler fishermen. It is the fact that the Government has not definitely established a clear cut attitude towards how to develop these new processes of fishing industry and at the same time protect the interests and the livelihood of the inshore fishermen.

In actual fact, one of the very clear aspects of this problem is because suddenly the inshore fishermen, who are unfortunately one of the categories belonging to the lowest income groups in this country, have realised that by the newer methods of fishing their income can actually be augmented. So, there is a certain degree of frustration over their own ways of livelihood.

Sir, I hope that the Government, quite apart from enacting acts, restrictive acts and prohibitive acts of this type to control agreements, Government will really seriously go about resolving this problem of inshore fishing and trawler fishing. Sir, I hope, however, that if the Government can clearly enforce the provisions of this amendment with or without the further amendment proposed by my Honourable friend for Penang Utara, then we, particularly in Penang, who have experienced the bitterest aspect of this "battle" will in the future not be faced with a situation, where the frustration of the two types of fishing will lead to explosive violence and unnecessary death.

Sitting suspended at 11.45 a.m.

Sitting resumed at 12.20 p.m.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

THE FISHERIES (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Debate resumed.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Menteri yang berkenaan bagi menchegeh pukut-tunda di-muara dan di-perayeran sungei. Waktu saya menyertai bagi meluluskan Rang Undang² ini, Yang Berhormat ada mengatakan satu Rang Undang² akan membolehkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mengawal pukut-tunda sama ada di-laut dan juga di-muara di-perayeran sungai. Dan saya harap Rang Undang² ini juga akan meliputi pada tasek yang besar².

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya minta perhatian Yang Berhormat Menteri ini, ia-itu membuat satu tafsiran atau ta'arif patut ditentukan had mana di-katakan kawasan perayeran sungai di-muka laut supaya dapat ketentuan bagi nelayan² kita yang menangkap ikan dalam bidang ikan darat dan kapal² yang masuk ka-kawasan itu terima kaseh kepada Kerajaan yang tidak mengenakan lesen² kepada mereka. Walau pun menangkap ikan darat ini ada-lah kuat-kuasa Kerajaan Negeri, tetapi dengan ada-nya, sa-bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat waktu mengemukakan Rang Undang² ini, saya gemar menyokong atas pandangan yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh, bahawa ikan ini satu makanan yang penting pada manusia, terutama sa-kali ikan basah—sama ada ikan darat atau pun ikan laut. Dan satu kemusnahan yang berlaku sa-lain daripada ikan ini di-tuba, di-bom, dirachun, bukan sahaja nelayan² itu tidak dapat mata-pencharian, tetapi ra'ayat di-kampung² tidak dapat memakan ikan yang di-kehendaki oleh kesehatan badan mereka. Jadi dengan ini, kejadian ini tentu-lah akan diadakan satu penchegehahan supaya diambil satu tindakan, saya menyokong

atas pandangan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara supaya di-adakan Polis Perikanan nama-nya. Kalau Kementerian Haiwan dapat mengadakan Pegawai Mergastua, maka saya nampak, oleh sebab perikanan ini juga satu kemajuan yang akan di-buat oleh Kerajaan, Polis Perikanan ini patut juga di-adakan.

Satu perkara yang saya fikir baik-nya ada Polis Perikanan ini, supaya memerhatikan dan menangkap ada ra'ayat Malaysia ini yang suka membawa masuk sa-jenis ikan daripada Amerika—nama ikan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lupa. Amerika semua-nya bagus, tetapi ikan ini yang ta' baik. Ikan ini bukan sahaja boleh memakan ikan, memakan binatang, tetapi memakan manusia, dan boleh menangkap buaya.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal di-tasek dan di-sungai² ini, ketika di-musnahkan oleh orang yang ta' bertanggung-jawab akan baka² ikan darat tiga tahun ikan tidak lalu di-tempat yang di-bom, di-tempat yang di-tuba, di-tempat yang di-rachun—sa-lama itu-lah tempat itu kekosongan. Kita minta Kementerian ini memberikan satu khidmat bakti-nya kepada ra'ayat dengan memberikan baka² ikan darat pada tempat itu, dan di-guaranteed tidak di-benarkan kawasan itu di-tangkap ikan-nya hingga sa-tahun atau dua tahun supaya anak² ikan itu dapat biak. Ini boleh menolong ra'ayat dan juga boleh menolong Kerajaan. Jadi, itu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat berikan pandangan² kepada Kementerian ini sambil meng-alu²kan Rang Undang² ini di-luluskan dan dapat di-laksanakan dengan tegas-nya. Terima kasih.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana teman² yang lain menyokong Rang Undang² ini, maka saya pun memberikan sokongan kepada pindaan Rang Undang² ini yang pada umum-nya memberikan perlindungan kepada nelayan² kecil yang menangkap ikan di-tepi² kawasan pantai daripada di-aniaya oleh orang yang menggunakan pukat-tunda yang tidak berlesen.

Satu perkara yang patut kita ambil perhatian, walau pun pukat²-tunda ini sekarang ini telah terkenal baik di-Pantai Timor mahu pun di-Pantai Barat tentang hasil yang di-dapati daripada pukat-tunda ini lebeh lumaian daripada pukat kecil di-tepi² pantai, dan mereka yang menggunakan pukat²-tunda ini mendapat lesen atau kebenaran dan di-haramkan-lah bagi mereka yang tidak mempunyai kebenaran daripada Kerajaan, tetapi bagi orang² yang mendapat kebenaran ini pun telah mengganggu kehidupan orang² di-tepi pantai dengan melabohkan atau pun menggunakan pukat-tunda mereka ini di-dalam kawasan² di-mana nelayan² yang bermodal kecil menchari rezki-nya di-tepi² pantai. Beberapa bulan yang lalu kita pernah mendengar perkelahian yang berlaku di-antara nelayan² kecil di-tepi pantai dengan nelayan² pukat-tunda di-daerah² pantai sa-belah barat negeri kita ini. Dan Kementerian ini, kalau saya tidak salah telah menchuba mengatasi kerumitan² yang di-alami oleh kedua pihak ini, ia-itu nelayan kecil dengan nelayan pukat-tunda tetapi malang-nya beberapa hal tidak dapat di-atasi oleh sebab keengganan sa-bahagian daripada orang² yang berkenaan itu bertemu dan berchakap dengan terus-terang kepada jawatan-kuasa yang telah di-buat oleh Kementerian ini sendiri. Dan sampai pada hari ini masalaah itu maseh lagi berjalan.

Sa-telah soal ini berbangkit dan kita mendengar banyak rungutan² daripada orang² yang mempunyai pukat² kecil yang menchari rezki-nya di-tepi² pantai itu mereka tidak sa-mata²-nya menentang akan ada-nya pukat-tunda baik sa-chara haram atau sa-chara halal, tetapi yang menjadi masalaah kepada nelayan² kecil ia-lah mereka yang mempunyai pukat²-tunda ini menggunakan pukat mereka itu menchari rezki, menchari keuntungan-nya di-tepi² pantai—sa-hingga saya dapat di-beri tahu oleh beberapa orang yang berkenaan dengan pukat² kecil ini, banyak ikan² kecil yang telah di-tangkap oleh pukat²-tunda ini, dan sa-hingga-nya sa-telah di-tangkap dan mati, di-champakkan balek ka-dalam laut oleh kerana ikan² itu terlalu kecil

dan tidak dapat hendak menjadi pasaran perikanan.

Oleh kerana itu, saya mengeshorkan kepada Kementerian ini supaya mengawal lesen yang kita berikan kepada mereka yang mendapat pukut-tunda ini supaya mereka itu dapat di-kawal kegiatan-nya, jangan sampai dia merugikan nelayan² pukut kechil di-tepi pantai dengan merebut rezki mereka itu, dan kemudian beberapa tahun, atau beberapa bulan sa-sudah-nya mereka yang mempunyai pukut² kechil di-tepi pantai ini akan kehilangan mata pencharian dan manakala terasa kehilangan mata pencharian itu, maka timbul-lah rasa tidak sedap, rasa tidak senang di antara dua pasokan pukut tunda dengan pukut kechil ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penghasilan yang dapat daripada pukut-tunda ini lebeh lumayan dan lebeh banyak, serta saya dapat di-beritahu juga bahawa kebanyakan-nya penghasilan daripada pukut-tunda ini yang di-chari ikan di-tengah² laut, boleh menetapkan harga ikan dan harga ikan itu tidak akan melambong tinggi sahingga menyusahkan orang² yang tidak di-tepi pantai dan yang tidak terlalu kurang sa-hingga menyusahkan pula kepada penangkap² ikan yang kechil. Kalau penangkap ikan yang kechil² di-tepi pantai mendapat hanya dua tiga pikul satu hari berbanding dengan pendapatan yang di-buat oleh pukut²-tunda sampai dua tiga puloh pikul satu hari mithal-nya yang menyebabkan-hari harga ikan yang di-tangkap oleh pukut kechil ini akan jatuh harga-nya dan akan menyebabkan penderitaan kepada pukut² kechil itu, dan oleh kerana itu, saya rasa oleh kerana pendapatan, atau hasil yang di-buat daripada pukut-tunda dengan chara besar²an ini, boleh menyebabkan kekukohan harga ikan dan tidak terlalu tinggi dengan tidak terlalu rendah serta dapat pula kita memberikan jaminan kepada nelayan² kechil, maka satu peratoran patut-lah di-buat oleh Kementerian ini supaya dapat mengawal orang² yang menangkap ikan sa-chara pukut-tunda ini, jangan sampai dia melaboh atau melakukan perbuatan-nya itu di-tepi²

pantai di-mana nelayan² kechil mendapat rezki-nya dan kalau ini dapat di-kawal dengan baik oleh Pegawai² Perikanan dan pehak yang berkuasa, saya rasa pertelingkahan atau pun perkelahian di-antara dua pehak nelayan pukut-tunda dan pukut kechil ini akan dapat di-atasi, maka saya memberi sokongan saya kepada ikhtiar Kerajaan dengan Kementerian ini khususnya bagi menjaga keselamatan di-antara dua belah pehak dan bagi menjaga bahawa penghidupan mereka itu tidak terganggu di-antara satu dengan yang lain. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, being a land-lubber living far away from the sea and listening to these eloquent speakers who live near the sea and without any contact with fishermen, I am little anxious in taking part in this Fishery Bill that this House has discussed all this morning. Mr Speaker, Sir, my own excuse in taking part in this discussion is that, I see all the speakers have not stressed, what seems to a medical man at least, that fish provide us with a valuable form of proteins in this country and we hope that this source of proteins in this country will be in plentiful supply and will be in cheap supply for the people of this country.

Now obviously if there is this "Pergadohan" that goes on between the two parties interested in fishing: namely, the trawlers and the inshore fishermen, then the supply of fish in this country will diminish to the detriment of the supply of proteins to the people of this country. Now, it seems to me that the Ministry of Agriculture and Co-operatives seems to take the attitude that if the Minister or his representative goes to talk with these two parties and bring them together, hey, presto, they have found an agreement and they smoke the pipe of peace and each will go on his own way peacefully. But we have seen that this is not so because despite all the protestations of peaceful intentions on the part of both parties we see that thousands gathered together and almost tried to capture the city of George Town. Consequently, one said

that passing this amendment and to provide the Minister with powers to regulate the methods used by the two parties concerned will bring a peaceful settlement to this vexed problem. I am not here as a protagonist to either the inshore fishermen or of the trawlers; as has been pointed out so eloquently by the Member of Sarawak, essentially it is a conflict of interest between the protagonist of modern methods as represented by the trawlers and perhaps the people who used traditional methods as represented by the inshore fishermen. I do hope that with the passage of this Bill, the Minister will be provided with the means to cut this Gordian Knot to bring about the lasting difference between these two parties so that the supply of fish to this country will not suffer.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Tuan Yang di-Pertua, sa-sunggoh-nya kalau-lah Kementerian dengan kedua² parti ini dapat menchari jalan bagi membaiki dan menyelesaikan soal ini, maka pada pendapat saya tidak-lah payah di-adakan Bill yang sa-macam ini, tetapi ikhtiar² yang telah di-jalankan oleh Kementerian dengan meminta sa-fahaman di-antara kedua² parti sa-hingga beberapa perkara ini telah di-jalankan, tetapi tidak mendapat satu penyelesaian di-sebabkan pihak pukat tunda selalu-nya menyalahi, atau pun melanggar, aturan dan peraturan yang telah di-jalankan oleh Kementerian. Mahu ta' mahu, Tuan Yang di-Pertua, maka terpaksa-lah Kerajaan mengadakan Rang Undang² ini dengan bertujuan ia-itu bagi memelihara kedudukan nelayan² kecil yang berada di-merata² pantai di-seluruh negara kita ini.

Saya telah pun di-minta oleh nelayan² kita di-dalam kawasan saya untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah menyambut permintaan mereka itu supaya mengadakan aturan dan peraturan Bill ini supaya di-laksanakan.

Satu perkara yang saya suka hendak menyatakan di-sini ada-lah menjadi

kesusahan kepada Kementerian bagi melaksanakan aturan dan peraturan yang akan di-buat oleh Kerajaan ini sa-kira-nya Kementerian ini suka atau pun suka beralah umpama-nya kepada pengguna² pukat tunda, selalu-nya perkara ini biasa di-salahkan kepada nelayan² kecil. Kalau-lah hari ini pukat tunda ini dapat menerima—dapat menurut aturan² yang telah di-jalankan oleh Kementerian ini saya yakin dan percaya nelayan² kecil tidak akan mengambil satu tindakan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Wakil Batu tadi perkelahian harus berlaku sa-chara besaran² di-perayeran Pulau Pinang sa-kira-nya Wakil² Ra'ayat yang bertanggung-jawab di-dalam kawasan² tersebut tidak men-champur tangan dengan Kementerian, dengan polis dan dengan badan² tersebut dan harus-lah beberapa nyawa akan terkorban pada waktu itu. Mujor-lah beberapa Wakil² Ra'ayat yang bertanggung-jawab, beberapa ahli² polis termasuk-lah juga wakil² daripada perikanan dan sa-bagai-nya dapat menchari jalan supaya dapat men-chegah atau pun menahan daripada pergaduhan itu berlaku dengan satu jaminan daripada pihak Kementerian supaya mengadakan Undang² ini. Saya minta-lah supaya pihak² yang menggunakan pukat² tunda ini betul² dengan ikhlas dan dengan jujur menerima apa juga aturan² yang akan di-kemukakan—yang akan di-kenakan oleh Kementerian ini, kalau itu tidak dapat saya berani berkata hari ini pergaduhan akan lagi berlaku dan tidak akan senyap.

Saya suka hendak memberi tahu kepada Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya datang di-sini saya lagi di-minta oleh nelayan² kecil di-dalam kawasan saya supaya dengan sa-berapa boleh, dengan sa-berapa hormat-nya hari ini oleh hendak menjagakan nelayan² kecil, saya minta-lah supaya Kerajaan dengan bersungguh² hati dengan niat yang sungguh² menchari jalan supaya menghapuskan, supaya menchari jalan, supaya jangan lagi berasa ragu² untuk mengenakan sa-habis² besar denda kepada pukat² tunda ini

sa-kira-nya di-dapati kesalahan berlaku. Saya tidak menyalahkan pukut² tunda yang ada lesen. Saya akan menyalahkan pukut² tunda yang haram dengan mendapat sokongan daripada pukut² tunda yang ada lesen. Ini-lah soal yang susah. Kalau-lah, Tuan Yang di-Pertua, dapat mengalami soal ini kami yang dekat dengan nelayan² kecil itu selalu-lah mendapat tentangan hebat daripada pukut² nelayan yang mengatakan kami adalah pro pukut tunda. Sa-bagai sa-orang manusia biasa kita suka melihat pukut² tunda juga boleh dapat menchari makan begitu juga nelayan² kecil yang telah berkurun², beratus tahun telah menjalankan usaha² kecil bagi mencari mata hidup atau pun menchari sara hidup mereka. Itu-lah permintaan daripada nelayan² kecil terhadap Kementerian ini supaya berhati²-lah bagi mengadakan satu atoran yang ketat untuk menjalankan usaha² ini.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Rang Undang² ini, bererti-lah satu daripada keburokan atau pun loophole yang kita dapati dalam Undang² asal-nya dapat kita tutup. Sa-bagaimana yang telah di-sebutkan dalam ucapan saya pada petang kelmarin ia itu di-masa yang lalu, di-bawah Undang² Perikanan kepunyaan pukut tunda sahaja dengan tidak keterangan yang lain untuk menggunakan pukut itu dengan chara bertentangan dengan Undang², tidak-lah di-anggap salah. Ini keputusan yang telah di-beri oleh Mahkamah. Jadi sekarang Rang Undang² ini merupakan usaha² Kerajaan atas nelayan² kecil menjaga mereka, menjaga kepentingan mereka dan juga menjaga kepentingan mereka yang mempunyai lesen² bagi menggunakan pukut tunda. Tetapi di-dalam mana² Undang² pun, di-dalam mana² negeri, sama ada di-sini atau pun negeri yang telah maju, tidak ada satu sistem, sama ada Undang² atau chara yang lain yang boleh 100 peratus menjamin bahawa di-masa yang akan datang tidak akan berbangkit perkelahian di-antara satu pihak dengan pihak yang lain lagi ada pertentangan kepentingan.

Kita tidak dapat memberi jaminan itu. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, Undang² dalam Penal Code kita mengatakan sa-saorang itu tidak boleh dibunuh, si-pembunuh akan kita hukum bunuh juga sunggoh pun demikian ada Undang²-nya, sunggoh pun ada polis beribu² banyak anggota-nya namun kita dengar ada lagi pembunuhan berlaku di-dalam negeri kita ini.

Di-rumah saya sa-minggu dua ini habis ayam² saya kena churi orang, berbelas ekor kena churi. Ayam yang besar, ayam kecil, ayam betina, ayam jantan, sunggoh pun ada pagar-nya dan pintu pagar itu waktu malam kena kunchi. Nampak-nya tiga hari dahulu isteri saya nampak pagar dekat belakang rumah saya orang naiki dengan chara yang saya pun tidak tahu. Ada sa-orang budak polis di-minta saya, ada lagi Caretaker juga; sunggoh pun begitu pun ayam dengan telor² dengan anak ayam di-rumah saya pun habis juga. Jadi, ini-lah satu tauladan, Tuan Yang di-Pertua, bawah kita tidak dapat menjamin 100 persen di-masa yang akan datang, walau pun dengan ada Rang Undang² ini, tidak ada perkelahian. Bagaimana pun kita sedar bahawa Kerajaan bertanggung jawab menjaga keamanan dalam negeri ini, ini-lah satu chara-nya kita menjalankan tugas kita.

Chadangan² berupa constructive telah di-beri kepada Dewan ini dan bagi pihak Menteri yang berkenaan saya menguchapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada mereka ini yang telah menyokong Rang Undang² ini. Satu chadangan ia-lah supaya Fasal 16 itu di-ubahkan, ya'ani memberi perintah supaya apabila sa-orang itu di-dapati bersalah di-bawah Undang² yang berkenaan ini, maka hendak-lah perkakas² mithal-nya pukut tunda atau pun kapal², perahu² yang di-gunakan dalam melakukan kesalahan itu mesti di-rampas. Menurut peruntukan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, perkataan "may" di-gunakan, bukan "shall". Dengan hal yang demikian seperti yang telah dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat daripada Pulau Pinang tadi, ini memberi kuasa kepada Magistrate

yang berkenaan menimbang sama ada rampasan akan di-lakukan atau pun tidak. Saya berpendapat bahawa sa-orang Magistrate itu jikalau telah mempunyai keterangan yang cukup bahawa tidak ada sebab² rampasan itu tidak patut di-lakukan patut-lah melakukan rampasan, terutama sekali jikalau telah nyata bahawa orang ini melakukan kesalahan ini dengan sengaja. Jadi, saya rasa tidak-lah perlu bagi perkataan di-dalam Fasal 16 itu di-ubahkan daripada perkataan "may" kepada perkataan "shall". Di-dalam Undang² yang lain pun kita nampak perkataan seperti ini ada digunakan. Kita harap-lah Magistrate atau pun Pengadil atau pun Hakim akan menggunakan kuasa² ini dengan sewajar-nya.

Sa-lain daripada itu ada juga tegoran yang berkata bahawa hukuman yang di-letakkan di-bawah Undang² ini tidak begitu menchukupi, ini ada-lah bergantung kepada fahaman masing². Dalam fahaman saya hukuman ini ada menchukupi seperti yang tersebut dalam fasal 13 dalam Undang² yang berkenaan.

Sa-orang saudara saya daripada Muar Utara tadi kalau saya tidak salah ingat, mengatakan ya'ani, hendaklah kita ta'arifkan perkataan² yang digunakan ya'ani mithal-nya di-mana had perayeran dan sa-terus-nya.

Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak, Mr Ong Kee Hui, kepada fasal 20 (3) dalam Undang² yang berkenaan. Sungoh pun Undang² ini tidak ada kena mengena dengan Sarawak di-masa sekarang, Kerajaan pada masa ini sedang menimbang untuk membuat satu undang² yang baru yang akan mempunyai peruntukan² yang tersebut di-dalam undang² ini supaya dapat digunakan di-seluruh Malaysia. Ini memang-lah menjadi satu masalah mithal-nya di-Sarawak dan di-Sabah, bahawa kapal² yang menangkap ikan daripada luar negeri masuk dalam perayeran. Jika mereka berkenaan membuat sa-suatu kesalahan di-dalam *territorial waters* (dan di-Sarawak *territorial waters*-nya 12 batu bukan 3

batu seperti di-Malaya), maka mereka itu boleh di-da'awa di-dalam mahkamah mengikut Undang² yang ada di-sana pada masa ini. Bagaimana pun masalah ini sedang di-timbang oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama supaya menjaga kepentingan² nelayan² kita di-dalam negeri ini.

Satu daripada chadangan Ahli Pulau Pinang Utara, kalau saya tidak salah tadi, bahawa patut-lah di-adakan satu *fisheries conservation survey*. Ini satu chadangan yang baik dan saya suka menerangkan di-sini ia-itu sekarang ini penyiasatan sedang di-jalankan oleh *Fisheries Research Staff* di-Pulau Pinang bersama² dengan *Thai fisheries authorities* daripada negeri Thai. Penyiasatan itu sedang di-lakukan di-Pantai Timor Malaysia.

Tuan Geh Chong Keat: Can I request again for a copy of the report when the survey is completed? My second point is to seek a clarification. Since the Honourable Minister has said that it is not possible at this juncture to amend the word "may" to "shall", would he convey his views, through the Minister of Justice, to the respective magistrates in order to ensure that power is vested in them?

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Speaker, Sir, it will not be proper for any Minister to direct a magistrate regarding the exercise of his powers under any law. It is left to the magistrate to exercise his discretion whether or not in the particular circumstances of the case he will order forfeiture or not. We feel he should be given enough discretion in this matter, in order not to impose unnecessary or undue hardship on the offenders themselves but, however, his view on this question of substitution of the word "may" by the word "shall" will be conveyed, of course, to the Honourable substantive Minister, the Minister of Agriculture and Co-operatives.

Satu masalah yang lain yang telah di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi ia-lah masalah nelayan yang menangkap

udang di-Pantai Timor. Saya telah dinasihatkan oleh Pegawai Kementerian ini ia-itu polisi Kerajaan ini ia-lah kita tidak suka melihat kehidupan mereka ini di-ganggu dan kita bersukachita mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri, terutama sa-kali Kelantan dan Trengganu, bahawa mereka ini akan di-bolehkan di-bawah peratoran² yang berkenaan supaya menjalankan kehidupan mereka seperti biasa dahulu. Jikalau Kerajaan Negeri bersetuju (dan Kerajaan Negeri belum lagi memberi jawapan rasmi kepada Kerajaan Pusat di-dalam perkara ini, sungguh pun kita telah menghantar satu surat rasmi kepada mereka), kita akan memberi lesen² kepada mereka ini, kerana kita sedar bahawa ini ada-lah satu mata pencharian yang besar kepada mereka di-Pantai Timor.

Berkenaan dengan chadangan daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Trengganu Utara dan yang lain yang meminta supaya Polis Khas di-adakan bagi mengawal aktiviti² atau pun pekerjaan² nelayan², ini saya rasa sa-benar-nya patut di-timbangkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi dalam fahaman saya sendiri, sa-bagaimana yang telah saya nyatakan tadi, jikalau tujuan kita ia-lah untuk mendapat jaminan 100%, maka ini saya kata susah akan di-lakukan. Bagaimana pun masalaah Polis ada-lah masalaah di-bawah tanggung jawab Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang akan saya serahkan perkara ini untuk di-timbangkan oleh beliau. Sekarang ini pehak Polis sa-bagaimana di-nyatakan oleh wakil² nelayan daripada Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, telah pun bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat menjaga dengan sa-berapa boleh keamanan di-dalam negeri kita mengenai masalaah nelayan² kechil yang tidak menggunakan pukut tunda dan nelayan besar yang menggunakan pukut tunda.

Kita ada dengar di-masa yang lepas, Kerajaan atau pehak polis memang banyak telah menangkap pehak² yang menggunakan pukut tunda dengan tidak ada lesen. Maka jika ada lagi shak wasangka bahawa Kerajaan sa-

ngat lemah dalam perkara ini, saya suka-lah menerangkan di-sini bagi pehak Menteri yang berkenaan bahawa ini tidak-lah betul sama sa-kali. Memang susah kita hendak menangkap banyak² orang salah ini macham yang telah saya katakan tadi, tetapi kita chuba dengan sa-berapa boleh-nya menjaga ketenteraman dalam negeri kita.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu berkata satu daripada sebab yang menimbulkan pertelingkahan di-antara nelayan² kechil dengan nelayan² yang menggunakan pukut tunda ia-lah di-masa yang lalu tadi sa-hingga sekarang Kerajaan kita tidak ada mempunyai *clear cut attitude*. Perkataan yang di-gunakan oleh Ahli Yang Berhormat itu terhadap masalaah ini, ini ada-lah tidak betul. Bagaimana *clear cut* lagi yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kita mahu melihat bahawa kehidupan nelayan² kechil itu di-jaga sambil itu juga kita mesti berjalan dengan kemahuan dan keadaan masa. Nelayan² kechil sahaja kalau kita benar, jika kita tidak benarkan pukut tunda itu, harus mengurangkan pendapatan perikanan dalam negeri kita. Maka ini akan mengurangkan protein yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Ahli Yang Berhormat itu berkata bahawa ikan itu ada-lah memberi protein yang sangat berguna sa-kali dan jikalau tangkapan ikan itu sedikit sahaja dengan menggunakan chara² yang lama dengan tidak menggunakan chara yang baru ini akan mengurangkan ikan dalam negeri kita. Jika ini kita kurangkan, maka protein pun akan kurang juga.

Maka polisi yang di-jalankan oleh Kerajaan di-masa yang lepas kita membuat *pilot project* dengan sa-berapa boleh-nya kita beritahu kepada mereka ini, kita galakkan juga dalam lapangan tertentu, tetapi oleh kerana kita bertanggung-jawab menjaga kehidupan ra'ayat semua dalam negeri ini kita beritahu kepada mereka yang mempunyai pukut tunda mereka itu tidak boleh menjalankan tugas mereka

atau mengambil ikan dalam kawasan yang tertentu. Sunggoh pun demikian banyak mereka ini menjalankan kesalahan² bertentangan dengan syarat² yang telah di-tentukan di-dalam lesen dan oleh sebab itu kita dapati mereka itu telah banyak di-tangkap, di-tudoh dan juga telah di-denda dalam Mahkamah.

Dalam masaalah mereka yang mempunyai pukat tunda haram, rakan saya Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Selatan berkata mereka itu ada mendapat sokongan daripada mereka yang ada lesen. Ini telah menimbulkan masaalah yang besar. Dalam fahaman saya, mengikut Undang² yang ada sekarang ini, siapa juga yang menyokong atau pun membantu atau pun menghasut sa-saorang lain membuat kesalahan, mereka itu boleh di-denda, di-da'awa dalam Mahkamah dan jika di-dapati salah, boleh di-denda atau di-hukum mengikut peruntukan di-dalam Undang² ini.

Saya rasa ini-lah penjelasan yang dapat saya kemukakan, Tuan Yang di-Pertua. Masa telah sampai pukul satu. Sa-kali lagi saya menguchapkan ribuan terima kaseh kepada mereka yang telah menyokong Rang Undang² ini, sa-benar-nya tidak ada yang menentang dan juga tahniah kepada sa-orang Ahli Yang Berhormat yang bukan Melayu tadi menggunakan bahasa kebangsaan yang bagitu petah, yang bagitu baik, kita harap banyak lagi Ahli² yang lain akan dapat menggunakan bahasa kebangsaan kita.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment; read the third time and passed.

ADJOURNMENT

Tuan Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move that consideration of the business before the House be deferred and that the House do now adjourn.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That consideration of the business before the House be deferred and that the House do now adjourn.

ADJOURNMENT SPEECH

NEED FOR STRICTER BANKING LAWS TO PREVENT MALPRACTICES BY BANKS

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Speaker, Sir, it is well known in banking and financial circles that all is not well with a few banks in Malaysia. In the October Session of this House I quoted an article from the *Economist* and this House saw how the Minister of Finance tried to prevent me from speaking.

Mr Speaker, Sir, I wish to make it quite clear that I have no axe to grind in this matter. I have also no shares in any bank, nor do I have any animosity towards any particular bank. The same cannot be said of quite a number of people sitting opposite me in the ministerial benches.

The Minister of Finance knows full that if speculative practices are not curbed, that if those in charge of banks concentrated on lending the money from depositors to themselves through their relations and friends, that if they sell their shares to other banks, that if they over-extend their resources, then one fine day the bank will crash with serious consequences to the economy of this country. The Minister of Finance knows full well that this has happened to some banks in Hong Kong and I need hardly remind him of what happened to the Intra Bank in Beirut. The writing is on the wall for the Minister of Finance to see and I call on the Minister to tighten the existing

legislation to provide more stringent safeguards for the public who deposit their money in the banks.

One such bank that has caused concern, not only to the depositors but also the Bank Negara, if not to the Minister of Finance, is the Malayan Banking Limited. That all is not well with this Bank is plain to all. But what is surprising is that matters had been allowed to slide for so long before Bank Negara stepped in on October 11th, 1966 by appointing Mr Yong Pung How and Enche' Azman bin Hashim to the Board of Directors. Mr Oei Tjong Ie, the former Chairman of the Board of Directors of Malayan Banking Limited, admitted—and I quote:

“While the accounts were being audited, serious differences of opinion among some members of the Board were brought to the surface. These concerned certain material advances to customers which investigation has showed were inadequately secured”. He went on to assure the public that these advances are now adequately secured and fully recoverable.

It is common knowledge that the rot is deeper than Mr Oei would have us believe and that those responsible for the rot have not yet been brought to book. The bank is now managed by a quartet and yet one is amazed that amongst the big four is one who is responsible for much of the rot that exist. Why has he not been got rid of?

Mr Speaker, Sir, Section 10 (1) (b) of the Banking Ordinance, 1958, was amended in 1965. The new amendment reads as follows. I quote:

“Section 10 of the Principal Ordinance is hereby amended—

(a) by substituting for paragraph (b) the following new paragraph:

(b) grant an advance, loan or credit facility against the security of its shares or grant unsecured advances, unsecured loans or unsecured credit facilities in excess of, in the aggregate and outstanding at any one time, five thousand dollars to:

(i) any of its directors;

(ii) a firm in which it or any of its directors is interested as partner, manager or agent, or to any

individual or firm of whom or of which any of its directors is a guarantor;

(iii) any of its subsidiary companies as defined in section 128 of the Companies Ordinance, 1940.”

Mr Speaker, Sir, it is obvious that all these provisions are no deterrent and have been observed in the breach. And what have Bank Negara and the Minister of Finance done? They should not whitewash the sins of those who are guilty of malpractices however important and eminent they may be. They should take vigorous steps to protect the interests of depositors.

It is also common knowledge that all is not well with at least one other bank and the Minister would do well to investigate before news of it breaks out in foreign journals, for example, *The Economist*, which the Minister of Finance is so fond of quoting from.

To sum up Mr Speaker, Sir, the existing legislation is not adequate to prevent malpractices that exist with our banks and the Labour Party of Malaya calls on the Minister of Finance to bring forth stricter legislation to curb such malpractices.

Thank you.

The Minister of Finance (Tuan Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, in order to assess whether existing legislation governing banking business in this country is adequate to ensure, among other things, that the money of depositors, is fully safeguarded, and that banks conduct their operations on a sound basis, I might describe how the banking system has evolved in Malaysia in order to present this question against its proper background.

Before the Central Bank of Malaysia Ordinance and the Banking Ordinance were passed in January 1959, a bank was treated like any other company and was subject only to the law governing companies in general. Banking business was concentrated mainly in the hands of a few foreign banks and indeed the oldest established bank in Malaysia today is a foreign bank. These foreign banks were set up in the

main business centres of the country and their business was confined chiefly to the financing of trade, the safest and most lucrative part of the business of banking. At the end of 1958, there were 13 foreign banks operating a total of 68 branches, as against only 4 domestic banks operating a total of 6 branches in West Malaysia. While the foreign banks monopolised the safe and lucrative part of the business, which they readily obtained from the large foreign import and export houses, it was left to the domestic banks to finance the riskier, though perhaps equally profitable business of land development and small business undertakings, including the wholesale and retail trade of the country which were in the hands of domestic traders. In fact, it is the claim of one of the oldest domestic banks, viz. the Kwong Yik Bank, that the town of Kuala Lumpur itself was developed by towkays using its funds.

The pattern of banking business remains generally the same today. While the number of domestic banks has increased and the banking system has developed rapidly since 1958, the financing of commerce, still the safest and most profitable part of banking, and accounting for the largest proportion of the total advances made by banks, continues to be dominated by the foreign banks. Businesses requiring longer term finance, such as housing and the development of other landed property, which by their very nature involve a greater degree of risk than the financing of foreign trade, are left to the domestic banks. There are now 37 banks licensed in the country operating a total of 302 banking offices. Sixteen of these banks are incorporated in Malaysia and they operate 153 banking offices, that is, more than 50% of the total number of banking offices. There is no doubt that the growth and expansion of domestic banks, particularly in the smaller towns, has not only helped to bring the banking habit within the reach of a much wider section of our people, it has also mobilised the financial resources of the country for its economic development. Total de-

posits of the banking system for example, increased by more than 140% from \$791 million at the end of 1958 to \$1,921 million by the end of November 1966, which is a remarkable rate of growth by any standards. It is nevertheless true to say that today it is still left to the domestic banks to finance longer term business ventures involving a greater degree of risk.

It was in anticipation of the growth of the banking system following the independence of our country that legislation was introduced at the beginning of 1959 to supervise and regulate the business of banking in the country, through the setting up of a Central Bank, which came to be known as Bank Negara Malaysia, and providing for the licensing of banks and the supervision and regulation of their operations. Legislation relating specifically to banks in this country has therefore, been in existence for only eight years.

The direction in which the banking system has developed and the continuing pattern of banking business, particularly as between foreign and domestic banks, would call for a thorough review of existing banking legislation to ensure that the provisions of the law are adequate to promote a sound banking system and the national interest of the country. Both the Government and Bank Negara are aware of this need and a review in fact began some time ago.

In suggesting that additional legislation should be introduced, the Honourable Member for Batu has in fact not brought out anything new. He might recall that, as far back as 10th December last year, I stated publicly that the Government was considering whether further measures should be taken to tighten existing banking legislation and to provide additional safeguards for the public who have money to deposit in banks. I made this statement at the opening ceremony of a Malaysian bank in Kuala Lumpur, when it should have the widest impact possible on bankers and those entrusted with the money of the public.

Under existing legislation, it is permissible for the directors of a bank to obtain advances from it to finance their own business, provided that these advances are fully secured. It is permissible also for banks to lend money to companies in which their directors are directly involved provided that such loans and advances are reported to the Central Bank. Provided therefore that loans and advances to directors are secured and loans and advances to companies in which such bank directors are interested, are reported to Bank Negara, it is not illegal for banks to use their depositors' money to grant these loans and advances to their directors. The adequacy of securities offered for loans and advances to directors is of course a major concern. This is however a matter primarily for the managements of the banks concerned and also for their auditors whose duties are now more clearly defined in the new Companies Act. Boards of directors of banks should be persons not only well versed in banking and business affairs generally, but they should also be persons of integrity and sound judgment, since the basis of successful banking is confidence.

As far as Malayan Banking Limited is concerned, it was this element of confidence which adversely affected the position of the Bank. In point of fact, if I may say so, it was the remarks of the Honourable Member in this House some time ago which precipitated a crisis.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification. If I may clarify that remark by the Honourable Minister of Finance, it was not my remarks in this House that precipitated a crisis, because my remarks in this House were hardly printed in the Press. Radio Singapore in its programme "What others say" quoted the *Economist* in its various languages—that precipitated the crisis.

Tuan Tan Siew Sin: Whatever the motives of the Honourable Member for Batu may be, I think there is little doubt whatever that his action was the spark plug which caused this crisis of

confidence in so far as Malayan Banking Ltd. is concerned. If he does not mind my giving him a word of advice: if he really has the interests of Malayan Banking and the banking system at heart, the less he talks about this matter in public, the better it will be for all concerned.

I am, however, happy to inform the House that through the guidance of Bank Negara, confidence in the Bank has been restored. The management of the Bank has been completely reorganised and the assistance of an experienced banker from abroad is being obtained to effect this reorganisation, especially in respect of the technical aspects of banking business. Provided that confidence is maintained, there is every reason to expect that Malayan Banking Limited will continue to grow and develop, thus contributing its share to the economic welfare of the country.

I should sound a word of warning here. Confidence is a very tender plant and uninformed statements in this House, or outside it, on the operations of Malayan Banking Limited, or any bank for that matter, may adversely affect public confidence in the soundness of the bank concerned. For this reason, it was rather unfortunate that the Honourable Member this afternoon should have seen fit to make a statement on the detailed operations of the Bank, as he chose to do. In this connection, if I may say so again, I feel that the Honourable Member for Batu has done a disservice by his attempt to expose what he thinks are the weaknesses of Malayan Banking Limited as a result of the unfounded rumours which were prevalent towards the latter part of last year. If his efforts succeed, he could do immense harm not only to Malayan Banking itself but to the banking system in general. In point of fact, the financial position of Malayan Banking Limited was even then and still is basically strong and sound. I would therefore ask Honourable Members to exercise a degree of discretion in their remarks on banking matters. In particular, I think it was wrong on the part of the Honourable Member for Batu to make

a statement that the members of the Government—the members of the Cabinet—on this side of the House have some interest in Malayan Banking.

Dr Tan Chee Khoon: I did not at any time say that.

Tuan Tan Siew Sin: I think you said it.

Dr Tan Chee Khoon: I said that I have no interest in any bank whatsoever and the same could not be said of members sitting opposite me, who may have interest in banks. I did not mention any particular bank.

Tuan Tan Siew Sin: The implication of that statement was that my Ministerial colleagues, even myself, have shares, probably, in Malayan Banking and in other banks and hence we have gone out of our way to shield Malayan Banking Limited in spite of its errors of omission and commission. I think it was very mischievous on the part of the Honourable Member to have made that statement, or to make that implication.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, if I may quote the Minister, who is very fond of saying it: "If the cap fits them let them wear it".

Tuan Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, the point I wish to make is this; if the Honourable Member makes that allegation, he should make sure that he has got some substance for it and can produce the facts, and not make an allegation which could be read either way, either as an allegation or an implication, and thus create doubt and suspicion in the minds of the public.

Coming back to the main subject matter of the adjournment speech of the Honourable Member for Batu, I should say, at the same time, that I can assure Honourable Members that the Treasury, in consultation with Bank Negara, is reviewing existing banking legislation with a view to introducing in this House possible amendments, in order to strengthen the banking system in Malaysia and ensure to the maximum extent possible that it is soundly based and depositors' money is fully safeguarded.

Question put, and agreed to.

Mr (Deputy) Speaker: The House is adjourned until 10 a.m. on Monday, 23rd January, 1967.

Adjournment at 1.20 p.m.